

U B765 DEB

MAHATHIR

ALOR SETAR, 30 OKT (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD BERHARAP CUPECAS DAN MTUC DALAM MEMBANGKITKAN ISU KENAIKAN FAEDAH PINJAMAN KERAJAAN, TARIKH PEMUTUSAN PENCEN DAN PEMBEKUAN KENAIKAN GAJI AGAR TIDAK MENIMBULKAN KEGELISAHAN PERINDUSTRIAN.

PERDANA MENTERI MENINGATKAN BAHAWA SEBARANG KEGELISAHAN PERINDUSTRIAN HANYA AKAN MEMBEBANKAN DAN MENYUSAHKAN RAKYAT DI SELURUH NEGARA.

KETIKA BERCAKAP KEPADA PARA PEMBERITA PADA AKHIR LAWATAN DUA HARI KE PERLIS DAN KEDAH HARI INI, BELIAU BERKATA: +MASALAHNYA IALAH BUKAN KERAJAAN TAKUT AKAN KEGELISAHAN PERINDUSTRIAN TETAPI SEJAUH MANAKAH RAKYAT DAPAT MENGHADAPI PERTIKAIAN ITU+.

+SEKIRANYA BERLAKU KEGELISAHAN PERINDUSTRIAN MASA YANG DIAMBIL UNTUK MEMULIHKAN KEMELESETAN EKONOMI AKAN BERTAMBAH PANJANG. AKIBATNYA RAKYAT DAN NEGARA AKAN MENGALAMI KESUSAHAN+.

DATUK SERI DR MAHATHIR MENEGASKAN DEMIKIAN KETIKA DIMINTA MENGULAS BEBERAPA KENYATAAN KEDUA-DUA GABUNGAN KESATUAN SEKERJA ITU YANG SEOLAH-OLAH MENUJU KE ARAH PERTIKAIAN PERINDUSTRIAN. -- LAGI
1807MST 30 10 86

0053

U B766 DEB

MAHATHIR 2 ALOR SSTAR

BELIAU JUGA BERKATA CUEPACS DAN MTUC BERHAK UNTUK BERBINCANG DALAM MENGHADAPI KETIGA-TIGA ISU ITU DAN MENEGASKAN KERAJAAN TIDAK AKAN MENGHALANGINYA KERANA +KITA TIDAK MAHU DITUDUH SEBAGAI DIKTATOR+.

MENGENAI SURAT CUEPACS KEPADANYA, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA SEKIRANYA FORMULA CUEPACS UNTUK MENYELESAIKAN ISU-ISU ITU TIDAK MEMBEBANKAN DAN SEBALIKNYA MENOLONG KERAJAAN, IA AKAN DIPERTIMBANGKAN.

TETAPI JIKA FORMULA ITU BOLEH MENIMBULKAN MASALAH KEPADA KERAJAAN IA AKAN DITOLAK, KATANYA.

YANG MENDUKACITAKAN IALAH ADA SESETENGAH PIHAK MENGANGGAP SESUATU PENYELESAIAN BERMAKNA APA YANG DIKEHENDAKINYA SAHAJA TERCAPAI SEDANGKAN PENYELESAIAN ADALAH SESUATU YANG MENGUNTINGKAN SEMUA PIHAK, TEGAS PERDANA MENTERI.

BELIAU MENGULANGI KESEDIAANNYA UNTUK BERBINCANG DENGAN PARA PEMIMPIN CUEPACS MENGENAI KETIGA-TIGA ISU ITU SEKIRANYA DIDAPATI PERLU. -- LAGI
1809MST 30 10 86

0060

U B772 DEB

MAHATHIR 3 ALOR SETAR

+ADALAH MUSTAHIL UNTUK MENEMUI SEMUA ORANG UNTUK MEMBINCANGKAN SEMUA ISU. SEKIRANYA SESUATU ISU BOLEH DISELESAIKAN MENERUSI PERBINCANGAN DENGAN PEGAWAI-PEGAWAI, SAYA FIKIR ITU LEBIH BAIK,+ KATANYA.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA BELIAU SEHARUSNYA MERUPAKAN ORANG TERAKHIR UNTUK DITEMUI MEMANDANGKAN SEKARANG PUN MEREKA (CUEPACS) BELUM LAGI BERJUMPA DENGAN PEGAWAI-PEGAWAI ATAUPUN MENTERI LAIN UNTUK MENDAPATKAN PENERANGAN.

+SAYA NAK KENA KELILING NEGARA UNTUK MENJELASKAN KEDUDUKAN EKONOMI SEKARANG. KALAU SAYA BUAT SENDIRI (PERBINCANGAN DAN PENYELESAIAN DENGAN CUEPACS) PAYAH SEDIKIT,+ KATANYA.

MENGENAI PERTEMUANNYA DENGAN PEGAWAI-PEGAWAI KANAN KERAJAAN DI PERLIS DAN KEDAH, PERDANA MENTERI YAKIN MEREKA KINI TELAH DAPAT DIPENGARUHI DAN TELAH FAHAM AKAN KEDUDUKAN EKONOMI NEGARA DAN KINI MEREKA LEBIH TENANG MENGHADAPI KETIGA-TIGA ISU ITU.

KATANYA, BELIAU PERCAYA MEREKA AKAN DAPAT MEMANJANGKAN PENERANGAN DAN PENJELASAN ITU KEPADA ORANG-ORANG BAWAHAN DAN RAKYAT.

-- LAGI

1822MST 30 10 86

U B773 DEB

MAHATHIR 4 ALOR SETAR

SEMASA DI SINI, DATUK SERI DR MAHATHIR TELAH MENGADAKAN TIGA PERJUMPAAN TERTUTUP -- BERMULA DENGAN PERBINCANGAN DENGAN PEGAWAI-PEGAWAI KANAN KERAJAAN SELURUH KEDAH DI BANGUNAN SULTAN ABDUL HALIM PADA SEBELAH PAGI DAN PADA PETANGNYA MENGADAKAN PERBINCANGAN BERASINGAN DENGAN WAKIL-WAKIL BARISAN NASIONAL DAN UMNO.

PERDANA MENTERI DAN DATUK SERI DATIN PADUKA DR SITI HASMAH ALI TELAH BERLEPAS BALIK KE KUALA LUMPUR DARI LAPANGAN TERBANG SULTAN ABDUL HALIM KEPALA BATAS PUKUL 5.30 PETANG. -- BERNAMA
1824MST 30 10 86